

UNTUK SIARAN SEGERA

Kembara Kecantikan bersama Panasonic

Pengalaman di Kafe Kecantikan – menyediakan demonstrasi rutin harian untuk kenangan yang kekal abadi

Kuala Lumpur, 21 Ogos 2014 – Panasonic menampilkan rangkaian terbaru produk kecantikan dan dandanannya melalui Panasonic Beauty, yang merangkumi 4 penjagaan berbeza iaitu Penjagaan Rambut, Penjagaan Muka, Penjagaan Badan dan Penjagaan Mudah Alih. Rangkaian produk Panasonic Beauty menyediakan pengalaman yang unik dan terkini kepada para pengguna, terutamanya bagi wanita Asia dengan gaya hidup yang aktif dan sibuk. Produk ini dilengkapi dengan rekaan yang bergaya serta teknologi nano Panasonic yang inovatif.

Kafe Kecantikan oleh Panasonic Beauty ini yang diadakan di The Library Coffee Bar, Nexus Bangsar South menawarkan 4 stesen yang berbeza bagi demonstrasi secara terus iaitu:

1. Stesen Penjagaan Rambut

Stesen yang dibimbing oleh Penggaya Rambut Profesional ini menampilkan peralatan rambut yang baru dan inovatif seperti Pengering Rambut dan Penggaya Rambut. Trend terkini serta petua berguna dikongsi bagi membolehkan hasil seperti di salun dapat diperolehi dengan mudah di rumah.

2. Stesen Penjagaan Muka

Produk utama yang dipamerkan di stesen ini ialah Pengewap Muka yang menghasilkan wap nano-ionik yang menembusi kulit bagi pengekalan lembapan secara mendalam. Cara dan kaedah menggunakan Pengewap Muka tersebut juga ditunjukkan dengan penumpuan terhadap cara mudah untuk menanggalkan celak. Seorang pakar kecantikan ditugaskan di sana bagi menunjukkan langkah-langkah mudah dan ringkas untuk menggunakan Pengewap Muka Panasonic.

3. Stesen Penjagaan Badan

Satu demonstrasi ringkas yang menumpukan kepada Epilator Basah & Kering telah dijalankan untuk menunjukkan penggunaan Epilator Panasonic yang mudah. Salah satu aspek menarik produk ini ialah ciri-ciri cukuran basah yang membolehkan pengguna menikmati proses perapian badan semasa mandi dengan ciri-ciri penghasilan buihnya yang unik.

4. Stesen Kecantikan Mudah Alih

Rangkaian produk Kecantikan Mudah Alih ini merangkumi peralatan “mudah alih” seperti pencukur mudah alih, pelentik bulu mata, berus gigi mudah alih (Doltz) dan produk penjagaan kuku. Dengan menumpukan kepada set Penjagaan Kuku Panasonic, jururias tangan dan kuku menunjukkan cara untuk pengguna mengaplikasikan penjagaan kuku asas, walaupun hanya di rumah. Bagi memenuhi keperluan berterusan wanita untuk mempunyai tangan yang cantik, siri Penjagaan Kuku ini merupakan set alat kecantikan yang mudah digunakan untuk memberikan penjagaan tangan asas di rumah. Di stesen ini, para peserta ditunjukkan cara untuk menggunakan siri produk Penjagaan Kuku dan diberikan Pelekat Kuku Seni percuma bagi melengkapkan proses mencantikkan tangan mereka.

“Panasonic Beauty direka untuk wanita Asia yang aktif dan sibuk. Mudah Digunakan dan Menyenangkan merupakan matlamat produk kami,” kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Beliau menambah, “Rangkaian produk Panasonic Beauty sangat sesuai bagi wanita berkerjaya yang sibuk, pada masa yang sama, masih ingin mengekalkan penampilan terbaik mereka. Kami ingin menawarkan kemudahan untuk mengecapi penampilan yang terbaik dalam masa yang paling singkat.

Selain menyediakan demonstrasi, Panasonic juga telah memperkenalkan Pengering Rambut 2000W baru, model EH-ND62VP (RM129) dan EHND61K (RM99) yang sesuai bagi wanita berkerjaya. Pengering rambut kompak namun tetap berkuasa ini mampu mengeluarkan 2000W udara bertekanan tinggi yang memberikan pengeringan pantas dan mempunyai pemegang boleh lipat bagi memudahkan penyimpanan. Para pengguna tidak perlu risau lagi tentang Pengering Rambut yang besar dan berat kerana Pengering Rambut ini direka supaya ringan. Dengan Pengering Rambut 2000W baru ini, para pengguna terutama sekali wanita boleh membawanya ke mana-mana saja bagi memastikan rambut mereka sentiasa terurus dan kemas.

Beberapa jenis produk lain yang akan dipasarkan di Malaysia tidak lama lagi turut dipamerkan. Produk seperti Pengurut Kulit Kepala, Pengurut Pemanas Mata, Pengelek Estetik Termal, Pencuci Mulut dan Berus Gigi Boleh Cas Semula diperkenalkan. Produk yang menjadi sebahagian daripada siri Penjagaan Kecantikan ini akan terus meningkatkan lagi barisan produk Panasonic Beauty.

Pilihan produk kecantikan dan dandanan Panasonic yang baru ini direka dan dihasilkan dengan mementingkan para penggunanya bagi memberikan kepuasan pengguna yang sepenuhnya. Teruskan bersama kami untuk maklumat lanjut.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03-7809 7877, 019-3837164 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com